



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 25

7hb Disember 2020

TAMBAHAN
No. 6

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill which had been tabled in the Legislative Assembly is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 2020	167
Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) Enactment 2020	187

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 2020.**

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

2

*Rang Undang-Undang***Penggantian Bahagian VII**

2. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 Tahun 1991*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan Bahagian VII Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VII

PEMELUKAN AGAMA ISLAM

Kehendak bagi pemelukan agama Islam.

100. (1) Kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi pemelukan sah agama Islam oleh mana-mana orang:

- (a) orang itu hendaklah mengucapkan dua Kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;
- (b) pada masa dia mengucap dua Kalimah Syahadah itu, orang itu hendaklah sedar bahawa kalimah itu bermakna “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad ialah Pesuruh Allah”; dan
- (c) pengucapan itu hendaklah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

(2) Seseorang yang tidak dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (1)(a), mengucapkan dua Kalimah Syahadah dengan cara isyarat atau bertulis yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 3

(3) Kehendak-kehendak di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi pemeluk Islam seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), Ketua Pendaftar *Muallaf* boleh menghendaki mana-mana orang yang belum mencapai umur lapan belas tahun untuk mengucap dua Kalimah Syahadah menurut subseksyen (1).

(5) Kehendak di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat di hadapan Ketua Pendaftar *Muallaf* atau mana-mana orang Islam yang berumur lapan belas tahun atau ke atas.

Keesahan
pemelukan.

101. (1) Seseorang itu sah memeluk agama Islam dan menjadi seorang Islam—

(a) sebaik selepas dia memenuhi kehendak seksyen 100; atau

(b) jika orang itu belum mencapai umur lapan belas tahun, sebaik selepas dia memenuhi kehendak perenggan 109(b).

(2) Seseorang yang memeluk agama Islam dan menjadi seorang Islam mengikut subseksyen (1) hendaklah selepas itu disebut sebagai *muallaf*.

Hak dan
kewajipan
muallaf.

102. Pada saat pemeluk Islam, seseorang *muallaf* hendaklah mempunyai hak dan kewajipan yang sama seperti mana-mana orang Islam lain.

4

Rang Undang-Undang

Pelantikan
Ketua
Pendaftar
Muallaf dan
Pendaftar
Muallaf.

103. (1) Majlis hendaklah melantik seorang Ketua Pendaftar *Muallaf* untuk menyenggarakan suatu Daftar *Muallaf* dalam bentuk yang ditetapkan bagi pendaftaran *muallaf* dan pendaftaran orang yang murtad daripada agama Islam.

(2) Majlis boleh melantik sebilangan Pendaftar *Muallaf* bagi maksud membantu Ketua Pendaftar *Muallaf* dalam melaksanakan tugasnya di bawah Enakmen ini.

Pendaftaran
muallaf.

104. (1) Seseorang yang telah memeluk agama Islam atau, dalam hal pemelukan agama Islam oleh seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaga boleh memohon kepada Ketua Pendaftar *Muallaf* dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran sebagai *muallaf*.

(2) Jika Ketua Pendaftar *Muallaf* berpuas hati bahawa kehendak seksyen 100 telah dipenuhi berkenaan dengan orang itu, Ketua Pendaftar *Muallaf* boleh mendaftarkan pemelukan agama Islam oleh pemohon itu dengan mencatatkan dalam Daftar *Muallaf* nama pemohon itu dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki dalam Daftar *Muallaf*.

(3) Ketua Pendaftar *Muallaf* hendaklah juga menentukan tarikh pemelukan agama Islam oleh pemohon itu dan mencatatkan tarikh itu ke dalam Daftar *Muallaf*.

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 5

(4) Untuk memuaskan hatinya tentang fakta dan tarikh pemelukan agama Islam oleh pemohon dan butir-butir lain yang hendak dicatatkan dalam Daftar *Muallaf*, Ketua Pendaftar *Muallaf* boleh membuat apa-apa siasatan dan memanggil apa-apa keterangan sebagaimana yang difikirkannya perlu, tetapi subseksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang Ketua Pendaftar *Muallaf* daripada hanya bergantung pada kata-kata pemohon setakat yang berkenaan dengan fakta dan tarikh pemelukan agama Islam itu.

(5) Jika Ketua Pendaftar *Muallaf* tidak berpuas hati bahawa kehendak seksyen 100 telah dipenuhi berkenaan dengan pemohon itu, dia boleh membenarkan pemohon itu mengucap di hadapannya atau di hadapan mana-mana pegawainya, dua Kalimah Syahadah mengikut kehendak seksyen itu.

Perakuan
Pemelukan
Agama Islam.

105. (1) Ketua Pendaftar *Muallaf* hendaklah memberikan kepada tiap-tiap orang yang pemelukan Islamnya telah didaftarkan suatu Perakuan Pemelukan Agama Islam dalam borang yang ditetapkan.

(2) Perakuan Pemelukan Agama Islam hendaklah menjadi bukti muktamad tentang fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pengiktirafan
muallaf
sebagai orang
Islam.

106. (1) Seseorang yang pemelukan Islamnya telah didaftarkan dalam Daftar *Muallaf* hendaklah, bagi semua maksud, termasuklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan setiap masa, diperlakukan sebagai orang Islam.

6

Rang Undang-Undang

(2) Seseorang yang pemelukannya Islamnya telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia hendaklah, bagi semua maksud di Negeri Pahang dan bagi maksud penguatkuasaan mana-mana undang-undang di Negeri Pahang, diperlakukan sebagai orang Islam.

Penentuan sama ada orang yang tidak didaftarkan sebagai seorang *muallaf*.

107. Jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu ialah seorang *muallaf* atau tidak, dan dia tidak didaftarkan dalam Daftar *Muallaf* atau di bawah mana-mana undang-undang sebagai seorang *muallaf*, persoalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan merit kes itu dengan merujuk kepada seksyen 100.

Kesalahan memberikan maklumat palsu.

108. Mana-mana orang yang, dalam sesuatu permohonan untuk pendaftaran di bawah seksyen 104, atau sebagai jawapan kepada apa-apa permintaan untuk maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Ketua Pendaftar *Muallaf* di bawah seksyen itu, dengan sengaja memberi Ketua Pendaftar *Muallaf* apa-apa maklumat atau keterangan yang palsu atau yang mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Keupayaan untuk memeluk agama Islam.

109. Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk agama Islam—

- (a) jika dia sempurna akal dan mencapai umur lapan belas tahun; atau
- (b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaganya membenarkan pemelukannya agama Islam olehnya.

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 7

Maklumat tentang pemelukan. 110. (1) Mana-mana orang Islam boleh, melalui cara akuan berkanun, memaklumkan kepada Ketua Pendaftar *Muallaf* tentang pemelukan seseorang termasuk fakta dan tarikh pemelukan agama Islam.

(2) Ketua Pendaftar boleh, untuk memuaskan hatinya tentang pemelukan agama Islam itu, membuat apa-apa siasatan dan mendapatkan apa-apa keterangan sebagaimana yang difikirkannya perlu, tetapi subseksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang Ketua Pendaftar *Muallaf* daripada hanya bergantung pada kata-kata orang itu.

111. Dipotong.”.

Bahagian VIIA baharu

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VII Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIIA

PENENTUAN STATUS ISLAM

BAB 1

Am

Tafsiran. 111A. Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa Penasihat Akidah” ertinya Jawatankuasa Penasihat Akidah yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B;

8

Rang Undang-Undang

“pemohon” ertinya orang yang memohon kepada Ketua Pendaftar untuk ditentukan sama ada dia seorang Islam atau tidak dan hendaklah seorang yang bermastautin di Negeri Pahang;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Penentuan Status Muslim sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 111E;

“proses nasihat” ertinya peringkat awal proses pemulihan akidah menerusi pendidikan dan dakwah bagi seseorang yang hendak keluar daripada agama Islam selama apa-apa tempoh yang tidak kurang daripada tujuh puluh dua jam dan tidak melebihi dua ratus empat puluh jam atau suatu tempoh tambahan lain yang tidak melebihi lima ratus jam seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penasihat Akidah;

“proses taubat” ertinya suatu proses untuk meminta seseorang yang hendak keluar daripada agama Islam untuk bertaubat.

BAB 2

*Jawatankuasa Penasihat Akidah dan
Ketua Pendaftar Penentuan Status Muslim*

Jawatankuasa Penasihat Akidah. 111B. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Penasihat Akidah yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Mufti sebagai Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha;

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 9

(d) tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang—

(i) sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka hendaklah orang yang arif dalam akidah atau usuluddin; dan

(ii) sekurang-kurangnya 2 orang yang mahir dalam Hukum Syarak; dan

(f) Ketua Pendaftar.

(2) Anggota Jawatankuasa Penasihat Akidah yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b), (c) dan (d) hendaklah dilantik oleh Mufti.

(3) Semua anggota Jawatankuasa Penasihat Akidah bolehlah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Fungsi
Jawatankuasa
Penasihat
Akidah.

111c. Fungsi Jawatankuasa Penasihat Akidah ialah untuk—

(a) menentukan mana-mana orang bukan seorang Islam;

(b) menjalankan proses nasihat; dan

(c) menjalankan proses taubat.

Jawatankuasa
Penasihat
Akidah boleh
menentukan
tatacaranya
sendiri.

111D. Jawatankuasa Penasihat Akidah boleh menentukan tatacara dan amalannya sendiri.

- 10 *Rang Undang-Undang*
- Ketua Pendaftar. 111E. Ketua Pendaftar *Muallaf* hendaklah menjadi Ketua Pendaftar Penentuan Status Muslim.
- Perakuan sebagai seorang Islam. 111F. Bagi tujuan Enakmen ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seorang Islam hendaklah pada setiap masa diakui dan diperlakukan sebagai seorang Islam melainkan setelah diperakukan oleh Ketua Pendaftar di bawah subseksyen 111H(3) atau ditentukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah bahawa seseorang itu bukan seorang Islam di bawah subperenggan 47(3)(b)(x) Enakmen.
- Kuasa Ketua Pendaftar menguruskan perkara berkaitan dengan penentuan dan pemerakuan seseorang. 111G. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pendaftar bagi maksud menentukan dan memperakukan status dirinya sama ada dia seorang Islam atau bukan.
- (2) Ketua Pendaftar hendaklah, setelah menerima permohonan di bawah subseksyen (1), mempertimbangkan permohonan itu dan membuat siasatan yang sewajarnya.
- (3) Setelah pertimbangan dan siasatan dibuat di bawah subseksyen (2), Ketua Pendaftar mendapati bahawa pemohon—
- (a) pada setiap masa yang material bukan seorang Islam, Ketua Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk—
- (i) mengarahkan pemohon itu hadir di hadapan Jawatankuasa Penasihat Akidah bagi menentukan sama ada dia seorang Islam atau bukan;

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 11

- (ii) memperakukan bahawa pemohon itu bukan seorang Islam selepas Jawatankuasa Penasihat Akidah membuat penentuan bahawa dia bukan seorang Islam; dan
 - (iii) melaksanakan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu menurut Hukum Syarak;
- (b) pada setiap masa yang material ialah seorang Islam, Ketua Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk—
- (i) mengarahkan pemohon itu menjalani proses nasihat; dan
 - (ii) melaksanakan perkara-perkara lain yang difikirkan perlu menurut Hukum Syarak.

BAB 3

Tatacara untuk menentukan dan memperakukan status seorang Islam

Penentuan dan pemerakuan seseorang pemohon yang pada setiap masa material bukan seorang Islam.

111H. (1) Jika Ketua Pendaftar mendapati bahawa seseorang pemohon pada setiap masa yang material bukan seorang Islam, maka Ketua Pendaftar hendaklah setelah membuat pertimbangan dan siasatan di bawah subseksyen 111G(2), merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa Penasihat Akidah untuk ditentukan sama ada dia seorang Islam atau tidak.

12

Rang Undang-Undang

(2) Jika Jawatankuasa Penasihat Akidah telah membuat penentuan bahawa pemohon itu bukan seorang Islam, ia hendaklah memaklumkan status pemohon itu kepada Ketua Pendaftar.

(3) Setelah pemakluman dibuat di bawah subsekyen (2), Ketua Pendaftar itu hendaklah memperakukan bahawa pemohon itu bukan seorang Islam.

MISALAN

- (a) A ialah seorang yang asalnya bukan beragama Islam tetapi nama dan butiran dalam kad pengenalannya menunjukkan bahawa dia seorang Islam. A pada setiap masa yang material bukan seorang Islam. A merujuk kepada Ketua Pendaftar untuk diperakukan bahawa dia bukan seorang Islam. Ketua Pendaftar itu hendaklah memperakukan bahawa A pada setiap masa yang material bukan seorang Islam selepas Jawatankuasa Penasihat Akidah membuat penentuan bahawa A bukan seorang Islam.
- (b) B memeluk agama Islam. Setelah memeluk agama Islam, ada bukti yang menunjukkan bahawa B beramal dengan ajaran dan ibadat agama selain Islam. B memohon kepada Ketua Pendaftar untuk diperakukan bahawa dia bukan lagi seorang Islam. Ketua Pendaftar hendaklah memperakukan bahawa B pada setiap masa yang material bukan seorang Islam selepas Jawatankuasa Penasihat Akidah membuat penentuan bahawa B bukan seorang Islam.

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 13

(c) C adalah anak tak sah taraf yang salah seorang ibu atau bapanya adalah seorang Islam. C meragui sama ada dia seorang Islam atau bukan kerana dia tinggal bersama ibu, bapa atau penjaga yang bukan beragama Islam. C dibesarkan sebagai bukan Islam dan mengamalkan cara hidup bukan Islam. C merujuk kepada Ketua Pendaftar untuk diperakukan bahawa dia bukan seorang Islam. Ketua Pendaftar itu hendaklah memperakukan bahawa C pada setiap masa yang material bukan seorang Islam selepas Jawatankuasa Penasihat Akidah membuat penentuan bahawa C bukan seorang Islam.

Penentuan status Islam seseorang yang pada setiap masa yang material ialah seorang Islam.

111i. Jika Ketua Pendaftar mendapati bahawa pemohon pada setiap masa yang material ialah seorang Islam tetapi—

- (a) menafikan atau mengingkari perkara-perkara akidah Islam, hukum *qat'i* atau hukum yang dipersepakati oleh ulama';
- (b) menafikan atau menolak rukun Iman dan rukun Islam yang disifatkan sebagai perbuatan murtad; atau
- (c) mengucapkan apa-apa lafaz atau melakukan apa-apa perbuatan yang disifatkan sebagai perbuatan murtad,

14

Rang Undang-Undang

Ketua Pendaftar hendaklah mengarahkan pemohon itu menjalani proses nasihat.

MISALAN

- (a) A dilahirkan sebagai seorang Islam oleh ibu bapa yang beragama Islam. A pada setiap masa yang material adalah seorang Islam. A berhasrat untuk keluar daripada agama Islam. Oleh itu, Ketua Pendaftar hendaklah mengarahkan A menjalani proses nasihat.
- (b) B ialah seorang *muallaf* dan mengamalkan cara hidup sebagai seorang Islam setelah memeluk agama Islam. B pada setiap masa yang material adalah seorang Islam. B berhasrat untuk keluar daripada agama Islam. Oleh itu, Ketua Pendaftar hendaklah mengarahkan B menjalani proses nasihat.

Proses taubat. 111j. (1) Jika mana-mana pemohon enggan bertaubat setelah menjalani proses nasihat sebagaimana yang disebut dalam seksyen 111i, Jawatankuasa Penasihat Akidah hendaklah mengarahkan orang itu supaya menjalani proses taubat untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan.

(2) Jawatankuasa Penasihat Akidah boleh menetapkan apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai bagi proses taubat itu.

(3) Jika pemohon itu enggan menjalani proses taubat itu, Jawatankuasa Penasihat Akidah hendaklah memaklumkan perkara itu kepada Ketua Pendaftar dengan seberapa segera yang boleh selepas itu membatalkan permohonan yang dibuat oleh pemohon itu.

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 15

(4) Jika pemohon itu enggan bertaubat selepas menjalani proses taubat itu, Jawatankuasa Penasihat Akidah hendaklah memaklumkan perkara itu kepada Ketua Pendaftar yang hendaklah selepas itu menyediakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama. Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah mengemukakan laporan itu kepada Ketua Pendakwa Syarie.

Tanggungjawab
Ketua
Pendakwa
Syarie.

111K. (1) Ketua Pendakwa Syarie, selepas menerima laporan di bawah subseksyen 111J(4), dia atau wakilnya boleh memulakan prosiding pendakwaan di bawah seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 [*Enakmen No.11 Tahun 2013*] terhadap pemohon itu.

(2) Jika Ketua Pendakwa Syarie berpuas hati bahawa tindakan pendakwaan di bawah subseksyen (1) tidak perlu diambil terhadap pemohon itu, Ketua Pendakwa Syarie hendaklah memaklumkan perkara itu kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh masa yang munasabah.

(3) Selepas Ketua Pendaftar menerima makluman daripada Ketua Pendakwa Syarie di bawah subseksyen (2), dia hendaklah dalam tempoh masa yang munasabah membuat permohonan untuk merujuk kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi menentukan status Islam orang yang enggan bertaubat selepas menjalani proses taubat:

Dengan syarat permohonan ini hanya boleh dibuat setelah orang yang enggan bertaubat selepas menjalani proses taubat itu selesai menjalani hukumannya jika ada sabitan ke atasnya.

16

Rang Undang-Undang

BAB 4

Rujukan kepada Mahkamah Tinggi Syariah

Rujukan hanya boleh dibuat oleh Ketua Pendaftar. 111L. Mahkamah Tinggi Syariah tidak boleh menerima sesuatu rujukan bagi menentukan status Islam pemohon yang enggan bertaubat kecuali—

(a) ia dibuat oleh Ketua Pendaftar; dan

(b) semua kehendak seksyen 111H hingga 111J telah dipatuhi oleh pemohon.

Rujukan kepada Mahkamah. 111M. (1) Sesuatu rujukan bagi suatu penentuan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang Islam oleh Ketua Pendaftar kepada Mahkamah hendaklah mengandungi dokumen yang berikut:

(a) laporan Ketua Pendaftar kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie di bawah subseksyen 111J(4);

(b) suatu perintah daripada Mahkamah Syariah berhubung dengan sabitan dan hukuman di bawah seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 terhadap pemohon, jika ada; dan

(c) jika pemohon telah berkahwin, suatu akuan berkanun yang ditandatangani pemohon bahawa dia telah menyelesaikan segala liabiliti dan kewajipan di bawah perkahwinan Islamnya, termasuklah—

(i) pembubaran perkahwinan;

(ii) pembahagian harta sepencarian;

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 17

- (iii) nafkah kepada isteri dan anak-anak;
- (iv) *hadhanah*;
- (v) hutang piutang perkahwinan;
- (vi) pusaka; dan
- (vii) semua perkara yang bersampingan dengannya.

(2) Setelah Mahkamah mengeluarkan suatu perintah di bawah subperenggan 47(3)(b)(x) Enakmen, Mahkamah hendaklah menyerahkan perintah itu kepada Ketua Pendaftar untuk direkodkan perintah itu dalam Daftar Muallaf.

(3) Ketua Pendaftar hendaklah menyerahkan salinan perintah itu kepada mana-mana orang yang perlu diperakukan status Islamnya itu.

BAB 5

Pelbagai

Hilang hak. 111n. Seseorang yang telah ditentukan sebagai bukan lagi seorang Islam oleh Mahkamah Tinggi Syariah, hendaklah hilang segala haknya menurut Hukum Syarak sebagai seorang Islam berkuat kuasa dari tarikh perintah itu dikeluarkan.

Maklumat, keterangan atau pengakuan palsu. 111o. Mana-mana orang yang dengan sengaja memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau pengakuan secara lisan atau bertulis yang palsu dalam melaksanakan peruntukan dalam Bahagian ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana gabungan hukuman itu.

18	<i>Rang Undang-Undang</i>
Tiada kehadiran peguam atau Peguam Syarie.	111p. Tiada peguam atau Peguam Syarie boleh hadir bagi mewakili pemohon atau mana-mana pihak dalam mana-mana siasatan di hadapan Ketua Pendaftar atau Jawatankuasa Penasihat Akidah atau prosiding di hadapan Mahkamah.”.

Pindaan seksyen 121

4. Seksyen 121 Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “kecuali seksyen 49, 50, 51, 52, 53 dan 54”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (“Enakmen dipinda”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen dipinda.

3. *Fasal 2* bertujuan menggantikan peruntukan Bahagian VII Enakmen dipinda dengan yang baharu bagi menambah baik peruntukan mengenai pemelukan agama Islam.

Seksyen 100 dan 101 bertujuan menetapkan kehendak-kehendak bagi pemelukan agama Islam dan saat pemelukan agama Islam manakala seksyen 102 memperkatakan tentang hak dan kewajipan *muallaf*.

Seksyen 103 hingga 107 bertujuan memberi kuasa kepada Majlis untuk melantik Ketua Pendaftar *Muallaf* dan Pendaftar *Muallaf*, pendaftaran *muallaf*, Perakuan Pemelukan Agama Islam, pengiktirafan *muallaf* sebagai seorang Islam dan sama ada orang yang tidak didaftarkan sebagai seorang *muallaf*.

Seksyen 108 mengenakan hukuman ke atas mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu semasa proses pendaftaran *muallaf*.

Seksyen 109 berkaitan dengan keupayaan untuk memeluk agama Islam manakala seksyen 110 berkaitan dengan makluman tentang pemelukan Islam seseorang.

Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) (No. 2) 19

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan Bahagian VIIA yang baharu ke dalam Enakmen dipinda berkaitan dengan peruntukan penentuan sama ada seseorang itu seorang Islam atau bukan. *Fasal* ini mengandungi 5 bab dengan peruntukan baharu iaitu seksyen 111A, 111B, 111C, 111D, 111E, 111F, 111G, 111H, 111I, 111J, 111K, 111L, 111M, 111N, 111O dan 111P yang menjelaskan tafsiran, penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Penasihat Akidah, Ketua Pendaftar Penentuan Status Islam dan Jawatankuasa Penasihat Akidah dalam menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan penentuan dan perakuan status Islam seseorang. Di samping itu dimasukkan peruntukan berkaitan kuasa dan tanggungjawab Mahkamah Tinggi Syariah dalam mendengar rujukan berhubungan dengan penentuan status agama Islam, hilang hak, kesalahan memberikan maklumat, keterangan atau pengakuan palsu dan larangan terhadap kehadiran peguam atau Peguam Syarie dalam mana-mana prosiding.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 121 Enakmen dipinda bagi memotong peruntukan beberapa rujukan berikutan pemansuhan Enakmen Pentadbiran Uagama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 [*Enakmen No. 8 tahun 1982*].

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya tidak dapat ditentukan sekarang.

[PUN.PHG.D/100/26/1 JLD 2]

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend the Administration of Islamic Law
Enactment 1991.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Pahang as follow:

Short title and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) Enactment 2020.

(2) This Enactment shall come into operation on the date of assent of His Royal Highness the Sultan.

2

*Bill***Substitution of Part VII**

2. The Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment No. 3 of 1991*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for Part VII the following Part:

“PART VII

CONVERSION TO ISLAM

Requirements for conversion to Islam. 100. (1) The following requirements shall be complied with for a valid conversion to Islam by any person:

- (a) the person shall utter in reasonably intelligible Arabic the two Clauses of Affirmation of Faith (*Kalimah Syahadah*);
- (b) at the time of uttering the two Clauses of the Affirmation of Faith, the person is aware that it means “I bear witness that there is no God but Allah and I bear witness that the Prophet Muhammad is the Messenger of Allah”; and
- (c) the utterance shall be made of the person’s own free will.

(2) A person who is incapable of speech may, for the purpose of fulfilling the requirement of paragraph (1)(a), utter the two Clauses of the Affirmation of Faith by means of signs or writings that convey the meaning specified in paragraph (1)(b).

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 3

(3) The requirements under subsections (1) and (2) do not apply to the conversion of a person to Islam who has not attained the age of eighteen years.

(4) Notwithstanding subsection (3), the Chief Registrar of *Muallaf* may require any person who has not attained the age of eighteen years to recite two Clauses of Affirmation of Faith pursuant to subsection (1).

(5) The requirements under subsection (1) shall be made before the Chief Registrar of *Muallaf* or any Muslim who is eighteen years of age or above.

Validity of conversion.

101. (1) A person validly converts to Islam and becomes a Muslim—

(a) immediately after he has fulfilled the requirements of section 100; or

(b) if the person has not attained the age of eighteen years, immediately after he has fulfilled the requirements of paragraph 109(b).

(2) A person converts to Islam and becomes a Muslim according to subsection (1) shall thereafter be referred to as a *muallaf*.

Rights and obligations of a *muallaf*.

102. At the moment of conversion to Islam, a *muallaf* shall have the same rights and obligations as any other Muslim.

Appointment of Chief Registrar of *Muallaf* and Registrar of *Muallaf*.

103. (1) The Majlis shall appoint a Chief Registrar of *Muallaf* to maintain a Register of *Muallaf* in such form as prescribed for the registration of *muallaf* and registration of persons apostate from Islam.

(2) The Majlis may appoint such number of Registrars of *Muallaf* for the purpose of assisting the Chief Registrar of *Muallaf* in carrying out his duties under this Enactment.

Registration
of *muallaf*.

104. (1) A person who has converted to Islam or, in the case of conversion to Islam by a person who has not attained the age of eighteen years, the parents or guardian may apply to the Chief Registrar of *Muallaf* in such form prescribed for registration as a *muallaf*.

(2) If the Chief Registrar of *Muallaf* is satisfied that the requirements of section 100 have been fulfilled in respect of the person, the Chief Registrar of *Muallaf* may register the conversion to Islam by the applicant by entering the name of the applicant and other details as required in the Register of *Muallaf*.

(3) The Chief Registrar of *Muallaf* shall also determine the date of conversion to Islam by the applicant and enter that date in the Register of *Muallaf*.

(4) In order to satisfy himself of the fact and date of conversion to Islam by the applicant and other particulars to be entered in the Register of *Muallaf*, the Chief Registrar of *Muallaf* may make such inquiries and call for such evidence as he considers necessary, but this subsection shall not be construed as precluding the Chief Registrar of *Muallaf* from relying solely on the words of the applicant insofar as it relates to the facts and date of conversion to Islam.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 5

(5) If the Chief Registrar of *Muallaf* is not satisfied that the requirements of section 100 have been fulfilled in respect of the applicant for conversion to Islam, he may permit the applicant to utter in his presence or in the presence of any of his officers, the two Clauses of the Affirmation of Faith in accordance with the requirements of the said section.

Certificate of Conversion to Islam.

105. (1) The Chief Registrar of *Muallaf* shall furnish on every person whose conversion to Islam has been registered in the Register of *Muallaf* a Certificate of Conversion to Islam in a prescribed form.

(2) A Certificate of Conversion to Islam shall be a conclusive proof of the facts stated therein.

Recognition *muallaf* as a Muslim.

106. (1) A person whose conversion to Islam has been registered in the Register of *Muallaf* shall, for all purposes, including for the purposes of any Federal or State law, and at all times, be recognised as a Muslim.

(2) A person whose conversion to Islam has been registered under any law in Malaysia shall for all purposes in the State of Pahang and for the purposes of enforcement of law in the State of Pahang, be treated as a Muslim.

Determining whether non-registered person is a *muallaf*.

107. If any question arises whether a person is a *muallaf* or not and he is not registered in the Register of *Muallaf* or under any law as a *muallaf*, that question shall be decided on the merits of the case with reference to section 100.

6

Bill

Offence of giving false information.

108. Any person who, in an application for registration under section 104 or in response to any request for information or evidence made by the Chief Registrar of *Muallaf* under that section, wilfully furnishes to the Chief Registrar of *Muallaf* any false or misleading information or evidence, commits an offence and shall on conviction be punished with a fine not exceeding one thousand ringgit or with imprisonment not exceeding six months or both.

Capacity to convert to Islam.

109. For the purposes of this Part, a person who is not Muslim may convert to Islam—

(a) if he is of sound mind and attains the age of eighteen years; or

(b) if he has not reached the age of eighteen years, his parents or guardians allow him to convert to Islam.

Information of a conversion.

110. (1) Any Muslim may, by way of a statutory declaration, inform the Chief Registrar of *Muallaf* of the conversion of a person including the fact and date of conversion to Islam.

(2) The Chief Registrar of *Muallaf* may, in order to satisfy himself of the fact of conversion to Islam, make such inquiries and call for such evidence as he considers necessary, but this subsection shall not be construed as precluding the Chief Registrar of *Muallaf* from relying solely on the words of that person.

111. Deleted.”.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 7

New Part VIIA

3. The principal enactment is amended by inserting after Part VII the following Part:

“PART VIIA

DETERMINATION OF ISLAMIC STATUS

CHAPTER 1

General

Interpretation. 111A. For the purposes of this Part, unless the context otherwise requires—

“Faith Advisory Committee” means the Faith Advisory Committee established under section 111B;

“applicant” means a person who applies to the Chief Registrar to determine whether he is a Muslim or not and shall be a resident in the State of Pahang;

“Chief Registrar” means the Chief Registrar of Determination of Muslim Status as specified in section 111E;

“advisory process” means the initial stage of the restoration process of faith through education and *da’wah* for a person who wants to apostate from Islam for any period not less than seventy-two hours and not exceeding two hundred and forty hours or another additional period not exceeding five hundred hours as the Faith Advisory Committee may determine;

“repentance process” means a process of requesting a person who wants to apostate from Islam to repent.

CHAPTER 2

*Faith Advisory Committee and
Chief Registrar of Determination of Muslim Status*

Faith Advisory Committee. 111B. (1) There shall be established a committee which is named as the Faith Advisory Committee which shall consist of the following members:

- (a) the Mufti as Chairman;
- (b) a Deputy Chairman;
- (c) a Secretary;
- (d) not more than five other members who—
 - (i) at least 2 of them shall be persons who are knowledgeable in the faith of Islam or *usuluddin*; and
 - (ii) at least 2 persons are well-versed in *Hukum Syarak*; and
- (e) the Chief Registrar.

(2) Members of the Faith Advisory Committee specified in paragraphs (1)(b), (c) and (d) shall be appointed by the Mufti.

(3) All members of the Faith Advisory Committee may be paid such allowances as the Majlis may determine.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 9

Functions of the Faith Advisory Committee.	111c. The functions of the Faith Advisory Committee are to—
	(a) determine that any person is not a Muslim;
	(b) carry out the advisory process; and
	(c) carry out the process of repentance.
Faith Advisory Committee may determine its own procedure.	111D. The Faith Advisory Committee may determine its own procedures and practices.
Chief Registrar.	111E. The Chief Registrar of <i>Muallaf</i> shall be the Chief Registrar of Determination of Muslim Status.
Certificate as a Muslim.	111F. For the purposes of this Enactment and any other written law, a Muslim shall at all times be recognized and treated as a Muslim unless after being certified by the Chief Registrar under subsection 111H(3) or determined by the Syariah High Court that a person is not a Muslim under subparagraph 47(3)(b)(x) of the Enactment.
Power of the Chief Registrar to manage matters related to the determination and certification of a person.	111G. (1) Any person may apply to the Chief Registrar for the purpose of determining and certifying his status whether he is a Muslim or not.
	(2) The Chief Registrar shall, after receiving the application under subsection (1), consider the application and make an appropriate investigation.

10

Bill

(3) After the consideration and investigation have been made under subsection (2), the Chief Registrar finds that the applicant—

(a) at any material time is not a Muslim, the Chief Registrar shall have the power to—

(i) direct the applicant to appear before the Faith Advisory Committee to determine whether he is a Muslim or not;

(ii) certify that the applicant is not a Muslim after the Faith Advisory Committee has determined that he is not a Muslim; and

(iii) carry out any other matters deemed necessary according to *Hukum Syarak*;

(b) at any material time is a Muslim, the Chief Registrar shall have the power to—

(i) direct the applicant to undergo the advisory process; and

(ii) carry out any other matters deemed necessary in accordance with *Hukum Syarak*.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 11

CHAPTER 3

Procedures for determining and certifying Muslim status

Determination and certification of an applicant who at all material times is not a Muslim.

11H. (1) If it appears to the Registrar General that an applicant is at all material times not a Muslim, then the Chief Registrar shall after making consideration and investigation under subsection 111G(2), refer the matter to the Faith Advisory Committee to determine whether he is a Muslim or not.

(2) If the Faith Advisory Committee has determined that the applicant is not a Muslim, it shall inform the Chief Registrar of the applicant's status.

(3) After the notification is made under subsection (2), the Chief Registrar shall certify that the applicant is not a Muslim.

ILLUSTRATION

- (a) A is a person who is not originally a Muslim but the name and details in his identity card show that he is a Muslim. A at all times material is not a Muslim. A refers to the Chief Registrar to certify that he is not a Muslim. The Chief Registrar shall certify that A at all times materially is not a Muslim after the Faith Advisory Committee has determined that A is not a Muslim.

12

Bill

- (b) B converts to Islam. After embracing Islam, there is evidence to show that B practices religious teachings and worships other than Islam. B applies to the Chief Registrar to be certified as he is no longer a Muslim. The Chief Registrar shall certify that B at all times materially is not a Muslim after the Faith Advisory Committee has determined that B is not a Muslim.

- (c) C is an illegitimate child whose mother or father is a Muslim. C doubted whether he is a Muslim or not as he lived with a non-Muslim mother, father or guardian. C was raised as a non-Muslim and practiced a non-Muslim way of life. C refers to the Chief Registrar to be certified as a non Muslim. The Chief Registrar shall certify that C at all times materially is not a Muslim after the Faith Advisory Committee has determined that C is not a Muslim.

Determining the Islamic status of an applicant who at all times materially is a Muslim.

111i. If it appears to the Chief Registrar that an applicant at all material times is a Muslim but—

- (a) denying or denying matters of Islamic faith, *qat'i* rules or rules agreed upon by Islamic scholars;

- (b) denying or rejecting the pillars of Islamic beliefs and the pillars of Islam which are regarded as acts of apostasy; or

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 13

- (c) uttering any utterance or committing any act deemed to be an act of apostasy,

the Chief Registrar shall direct the applicant to undergo the advisory process.

ILLUSTRATION

- (a) A is born a Muslim by Muslim parents. A at all material times is a Muslim. A intends to leave Islam. Therefore, the Chief Registrar shall direct A to undergo the advisory process.
- (b) B is a *muallaf* and practiced the way of life as a Muslim after embracing Islam. B at all material times is a Muslim. B intends to leave Islam. Therefore, the Chief Registrar shall direct B to undergo the advisory process.

Repentance process.

111J. (1) If any applicant refuses to repent after undergoing the advisory process as mentioned in section 111I, the Faith Advisory Committee shall direct that person to undergo the repentance process for a period not exceeding twelve months.

(2) The Faith Advisory Committee may prescribe such method as it deems appropriate for the repentance process.

(3) If the applicant refuses to undergo the repentance process, the Faith Advisory Committee shall notify the matter to the Chief Registrar as soon as possible who may thereafter cancel the application made by the applicant.

(4) If the applicant refuses to repent after undergoing the repentance process, the Faith Advisory Committee shall inform the matter to the Chief Registrar who shall thereafter prepare a written report to the Chief Religious Enforcement Officer. The Chief Religious Enforcement Officer shall submit the report to the Chief Syarie Prosecutor.

Responsibilities
of the Chief
Syarie
Prosecutor.

111k. (1) The Chief Syarie Prosecutor, after receiving the report under subsection 111j(4), he or his representative may commence prosecution proceedings under section 9 of the Syariah Criminal Offences Enactment 2013 [*Enactment No.11 of 2013*] against the applicant.

(2) If the Chief Syarie Prosecutor is satisfied that the prosecution action under subsection (1) should not be taken against the applicant, the Chief Syarie Prosecutor shall notify the matter to the Chief Registrar within a reasonable period of time.

(3) After the Chief Registrar receives notification from the Chief Syarie Prosecutor under subsection (2), he shall within a reasonable period of time make an application to refer to the Syariah High Court as to determine the Islamic status of the person who refuses to repent after undergoing the repentance process:

Provided that this application may be made after the person who refuses to repent after undergoing the process of repentance has completed his sentence if there is a conviction on him.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 15

CHAPTER 4

Reference to Syariah High Court

Reference
can only
be made by
the Chief
Registrar.

111L. The Syariah High Court shall not accept a reference to determine the Islamic status of the applicant who refuses to repent except—

(a) it is made by the Chief Registrar;
and

(b) all the requirements of sections 111H to 111J have been complied with by the applicant.

Reference to
Court.

111M. (1) A reference to a determination that a person is no longer a Muslim by the Chief Registrar to the Court shall contain the following documents:

(a) the report of the Chief Registrar to the Chief Religious Enforcement Officer and the Chief Syarie Prosecutor under subsection 111J (4);

(b) an order from the Syariah Court in relation to the conviction and sentence under section 9 of the Syariah Criminal Offences Enactment 2013 against the applicant, if any;
and

(c) if the applicant is married, a statutory declaration signed by the applicant that he has settled all liabilities and obligations under his Islamic marriage, including—

(i) dissolution of marriage;

16

Bill

- (ii) the division of matrimonial property;
- (iii) alimony to wife and children;
- (iv) custody;
- (v) marriage receivables;
- (vi) inheritance; and
- (vii) all matters incidental to it.

(2) After the Court issues an order under subparagraph 47(3)(b)(x) of the Enactment, the Court shall submit the order to the Chief Registrar to record the order in the Register of *Muallaf*.

(3) The Chief Registrar shall submit a copy of the order to any person who needs to be certified by his Islamic status.

CHAPTER 5

Miscellaneous

Rights lost. 111N. A person who has been determined to be no longer a Muslim by the Syariah High Court, shall cease all his rights according to *Hukum Syarak* as a Muslim with effect from the date of the order is issued.

False information, evidence or confession. 111O. Any person who knowingly gives any false verbal or written information, evidence or confession in carrying out the provisions of this Part commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or whipping not exceeding six lashes or punished with any combination of such punishments.

Administration of Islamic Law (Amendment) (No. 2) 17

No presence of lawyer or <i>Peguam Syarie</i> .	111P. No lawyer or <i>Peguam Syarie</i> shall be present to represent the applicant or any party in any investigation before the Chief Registrar or the Faith Advisory Committee or proceedings before the Court.”.
---	---

Amendment of section 121

4. Section 121 of the principal Enactment is amended by deleting the words “except sections 49, 50, 51, 52, 53 and 54”.

EXPLANATION

This Bill seeks to amend the Administration of Islamic Law Enactment 1991 (“amended Enactment”).

2. *Clause 1* contains the short title and provisions on the commencement of amended Enactment.

3. *Clause 2* seeks to replace the provisions of Part VII of the amended Enactment with anew as to improve the provisions on the conversion to Islam.

Sections 100 and 101 seek to set the requirements for the conversion to Islam and the moment of conversion to Islam while section 102 deals with the duties and duties of *muallaf*.

Sections 103 to 107 seek to empower the Majlis to appoint the Chief Registrar of *Muallaf* and Registrars of *Muallaf*, the registration of *muallaf* and apostates, the Certificate of Conversion to Islam, the recognition of *muallaf* as a Muslim and whether the non-registered person as a *muallaf*.

Section 108 imposes penalties on any person who provides false information during the *muallaf* registration process.

Section 109 deals with the ability to convert to Islam whereas section 110 deals with the information of a person’s conversion.

18

Bill

4. *Clause 3* aims to introduce a new Part VIIA in the amended Enactment in relation to the provisions of the determination whether a person is a Muslim or not. This *clause* contains 5 chapters with new provisions namely sections 111A, 111B, 111C, 111D, 111E, 111F, 111G, 111H, 111I, 111J, 111K, 111L, 111M, 111N, 111O and 111P which explain the interpretation, establishment and functions of the Faith Advisory Committee, Chief Registrar of Determination of Muslim Status and Faith Advisory Committee in managing matters related to the determination and certification of a person's Islamic status. In addition, it includes provisions related to the powers and responsibilities of the Syariah High Court in hearing references in relation to determination of Islamic religious status, loss of rights, offence of providing information, evidence or false confession and prohibition of the presence of a lawyer or *Pegum Syarie* in any proceedings.

5. *Clause 4* seeks to amend section 121 of the amended Enactment as to delete a few reference as a result of the repeal of the Administration of Islamic Religious and Malay Custom of Pahang Enactment 1982 [*Enactment No. 8 of 1982*].

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will involve the Government in any additional expenditure the amount of which cannot be determined at present.

[PUN.PHG.D/100/26/1 JLD 2]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA